



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

# TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA



Bil Keluaran : 03 Siri : 1435H/02 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan Jamadil Awal - Jamadil Akhir 1435H ( April 2014)

## Taujihat



Ustaz Dr Mohd Parid  
Sheikh Ahmad  
Presiden IKRAM  
-m/s 2-

## Bingkisan Tarbawi



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria  
Pengerusi JK Tarbiah Pusat  
- m/s 4-

## Maktabah Tarbiah



Ustaz Abd Muhaimin  
Mohammad Shahar,  
Konsultan JK Tarbiah Pusat  
- m/s 7-

## Berkesankah

### Usrah Kita?

لَمَنْ يَلْمِدُ الْجَمْعَ الْجَمْعُ

الحمد لله رب العالمين ، والصلوة والسلام على أشرف المرسلين ، محمد بن عبد الله ، سيد الداعين إلى الله على بصيرة ، والمجاهدين فيه بإحسان ، وعلى آله وأصحابه ومن وله .. وبعد

**B**oleh jadi sebahagian ikhwah akhwat kita sudah berada di dalam usrah puluhan tahun lamanya. Sebahagian masih aktif, ada juga sebahagian yang sudah sejuk dan mula mengendur. Apapun semua kita akui bahawa usrah penting, malah ia adalah salah satu perkara thawabit (unsur tetap) dalam jamaah. Lebih-lebih lagi ‘out come’ atau hasilnya menunjukkan ia menjadi kilang yang paling efektif melahirkan pejuang di jalan Allah SWT yang berani mati demi agama yang maha suci ini.

Lihat sahaja di Mesir, Syria dan Palestin yang bergolak sekarang, siapa yang berjuang dan thabat di medan? Tidak lain, melainkan mereka yang memiliki fikrah ini. Mereka hidup di dalam halaqah/usrah yang dipimpin oleh murabbi/naqib yang cekap mengurus para mutarabbi mereka dengan begitu berjaya. Mereka menghirup mata air tarbawi secara langsung lagi praktikal, sama seperti yang pernah diperolehi oleh para sahabat di rumah Al-Arqam ibnu Abi Al-Arqam. Muwasofat sepuluh itu terbina secara beransur-ansur secara berimbangan yang akhirnya membentuk rijal (lelaki) yang kental berjuang di medan-medan dakwah. Iman yang membugar di hati sanubari mereka menolak mereka untuk berjuang demi menegakkan kembali agama Islam ini.

Umum mengetahui siapa di sebalik perjuangan di serata dunia hari ini. Tidak lain kecuali mereka yang punya fikrah yang pernah dihirup mata airnya oleh para sahabat satu ketika dahulu. Siapa yang mengulangi apa yang diamalkan oleh para sahabat, mereka pastinya akan memperolehi natijah yang sama. Itulah janji Allah kepada para hambaNya dalam istilah yang kita panggil ‘undang-undang alam’ atau sunnatullah dalam perjuangan.

Persoalannya bagaimana usrah yang kita lalui sekarang? Setiap kali berakhirnya usrah, apakah ia menambahkan iman dan taqwa kita kepada Allah atau tidak? Menghampiri waktu berusrah saban minggu itu menambahkan rindu kita untuk bertemu ikhwah/akhawat atau tidak? Apa yang bertambah pada setiap kali pertemuan usrah kita? Apakah diskusi dan muhasabah saban minggu itu memotivasi kita untuk melaksanakan usaha dakwah di luar sana atau bagaimana?

Beberapa persoalan di atas harus dijawab oleh semua kita secara jujur sebelum kita dapat mengukur apakah usrah kita efektif atau sebaliknya bersifat statik yang tidak mengubah apa-apapun dalam kehidupan kita. Semoga Allah SWT membantu kita semua.

Wassalam...

Dari Meja Editor

## Mutiara Al-Quran



وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَهَنَى  
النَّفْسُ عَنِ الْهَوَى (٤٠) فَإِنَّ  
الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى

Adapun orang yang takutkan keadaan semasa dia berdiri di mahkamah Tuhan, (untuk dihitung amalnya), serta dia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu; (40) Maka sesungguhnya Syurgalah tempat kediamannya...

(Surah As-Naziat: 40-41)

## Mutiara Hadith

Daripada Abu Zar Jundub ibn Junadah dan Abu Abdul Rahman Mu'az ibn Jabal, r.a.,  
daripada Rasulullah SAW, bahawa Baginda bersabda:

Bertaqwalah engku kepada Allah walaupun di mana engku berada, dan iringilah kejahatan dengan kebaikan, nescaya ia akan menghapuskan kejahatan tersebut dan bergaullah sesama manusia dengan budi pekerti yang baik.

(Hadith Riwayat al-Imam al-Tirmizi)



## Mutiara Hikmah

Berusaha untuk bertutur dalam bahasa Arab yang Fushah kerana Bahasa Arab yang betul (Fushah) adalah lambang(syiar) Islam.



~Imam Hasan  
Al-Banna~



## USRah SEBAGAI WASILAH TARBIAH

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

### Mafhum usrah

Usrah merupakan satu istilah yang lazim digunakan dalam budaya gerakan Islam, ia membawa maksud satu persekitaran atau suasana kekeluargaan yang mempertemukan se-kumpulan ahli seperti ahli sebuah keluarga. Ia dipanggil usrah lantaran pertemuan ahli-ahli kumpulan di dalamnya seolah-olehnya mereka itu terdiri daripada satu keluarga yang diikat dengan ikatan persaudaran, iman dan perjuangan.

Ia menyediakan satu suasana tarbiah, saling berbincang, belajar, nasihat menasihati dengan kebenaran dan kesabaran, meningkatkan kefahaman, pengetahuan, iltizam kepada Islam dan tuntutan-tuntutannya. Bahan-bahan penyampaian dalam usrah sejarah dengan tahap keahlian berbagai-bagai, tetapi al-Quran dan Hadis kekal sebagai dua sumber penyampaian utama pada keseluruhan tahap-tahap keahlian. Ia dipengerusi oleh seorang naqib yang mengatur perjalan usrah tersebut, penyampaian bahan-bahan usrah yang telah ditetapkan untuk ahli-ahli kumpulan.

### Sifat dan akhlak kepentingannya di antara wasilah-wasilah tarbiah yang lain

Ia adalah satu daripada wasilah tarbiah yang terbukti berdasarkan pengalaman serta sejarah perjuangan gerakan Jamaah yang panjang sebagai satu wasilah tarbiah yang paling berkesan dalam membangun kader-kadernya yang setia, berdisiplin dengan disiplin-disiplin amal jamai, mentaati pucuk kepimpinan, percaya dan yakin dengan Jamaah, berkembang sebagai pendokong-pendokong perjuangan yang kental dan setia dalam semua suasana.

Ia juga merupakan wasilah tarbiah yang telah digunakan oleh junjungan besar nabi kita, Nabi Muhammad s.a.w . Ia telah dicatatkan dalam sirah baginda dalam peristiwa baiah al-Aqabah kedua antara baginda dengan kaum al-Ansar,

Aus dan Khazraj dimana baginda di penghujung baiah tersebut telah melantik 12 orang dari kalangan 73 orang lelaki dan 2 orang wanita Anshar yang terlibat sebagai kumpulan nuqaba (para naqib ) kepada mereka semua selepas kembali ke Madinah al-Munawwarah. Ada sebahagian ahli yang mengikuti usrah, kemudiannya beranggapan usrah boleh direhatkan, banyak lagi cara-cara lain yang lebih kreatif dapat digunakan dan mengambil tempatnya dalam mencapai matlamat-matlamat daripada kewujudan usrah.

Ia merupakan satu pandangan yang pernah di war-warkan oleh sesetengah peribadi, tetapi pengalaman dan sejarah tetap membuktikan kemelesetan pandangan tersebut. Tanpa mekanisma usrah , tarbiah akan melemah, bergerak lesu, semangat perjuangan akan pudar, amal jamai akan luntur, masing-masing akhirnya akan bersendirian, berfikir, berusaha dan akhirnya perjuangan menerusi usaha-usaha amal jamai akan beransur-ansur padam.

Hakikat ini seoleh-olahnya ingin menyampaikan satu mesej yang jelas dan tegas kepada kita, bahawa wasilah ini satu wasilah Nubuah (diguna pakai oleh Nabi Muhammad sendiri [1], juga Nabi Isa dalam membentuk golongan Hawari-yunnya[2] ) yang mampu memercikkan keberkatan kepada usaha-usaha pembangunan diri manusia agar mereka akhirnya benar-benar dapat dilahirkan sebagai hamba-hamba Allah s.w.t yang saleh, pengikut para-nabi yang taat.

Bersua muka sesama ahli seminggu sekali, bersalamans, berpelukan, mendengar suara-suara mereka membaca ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi, tulisan-tulisan ulama yang tersohor, penyampaian bingkisan-bingkisan ilmu, perbincangan-perbincangan bagi merungkai persoalan-persolan ummah dan manusia yang terbit dari hati yang ikhlas dan minda yang jernih dan lain-lain lagi, kesemuanya mampu menyediakan bekalan-bekalan yang kaya bagi pembinaan diri manusia yang salih, bersedia untuk berjuang dan berkorban, meninggalkan kesan yang baik kepada sejarah kehidupannya, sejarah ummat, manusia dan dunia.

### Usrah sebagai sebahagian daripada thawabit Jamaah

Usrah dalam pergerakan Jamaah merupakan satu daripada perkara yang menjadi pegangan tetap kepada mereka - al thawabit -, yang mesti dijaga dan dipastikan diikuti oleh semua ahli, semua mereka sebagai ahli mestilah mempunyai usrah yang beroperasi setiap minggu. Usrah kepada mereka satu takungan yang menghimpunkan beberapa orang ahli setiap minggu untuk terus menerus mewujudkan satu suasana pembelajaran, perbincangan, saling berpesan dengan kebenaran dan kesabaran, mempertajam kefahaman, meningkatkan kesedaran, rasa tanggungjawab, keimanan dan iltizam terhadap Islam dan tuntutan-tuntutannya, memupuk semangat persaudaraan yang kuat, semangat perjuangan secara jamai kearah mengangkat panji tauhid diatas muka bumi Allah s.w.t ini.

Usrah setidak-tidaknya mengambil kedudukan sebagai satu-satunya wasilah tarbiah yang mesti dipertahankan dan dihidupkan dalam semua suasana dan keadaan, suasana senang atau sukar, suasana kebebasan atau suasana penindasan lantaran ia mampu membangun ketahanan ahli berhadapan dengan ujian-ujian getir, terus kekal setia bersama jamaah, perjuangan dan Islam. Ia juga merupakan tali pusat penghubung kepada nyawa jamaah sesama anggota seperti yang telah terbukti dalam sejarah. Lantaran hubungan yang terbangun menerusi usrah dalam semua situasi diatas kewujudan jamaah dapat bertahan, hubungan organisasi sesama anggota kekal teguh, ruh amal jamai kekal marak dalam jiwa mereka sepanjang hayat.

### Usrah sebagai sel kecil jamaah

Usrah dalam susunan organisasi gerakan Islam beroperasi sebagai sel-sel kecil jamaah yang berperanan membangun keutuhan, keupayaan peribadi ahli, sebab hari ia bertambah baik, meningkat maju, tambah kuat dalam memikul misi perjuangan, memiliki ketinggian disiplin peribadi dan tanzimi, siap untuk men-



depani cabaran-cabaran perjuangan masa hadapan.

Usrah disusun agar dapat mengangkat kualiti semua ahli, mengerakkan mereka supaya aktif dalam pelbagai medan amal, menyebar dakwah, mendidik masyarakat berbagai lapisan generasi, kaum lelaki dan wanita, tua dan muda, memperbaiki lingkungan dan mengislah situasi dalaman negara. Menerusi usrah berlaku usaha-usaha pemberian diri, peningkatan kefahaman dan pengetahuan, perbincangan, perpindahan pengalaman, penurunan pesanan dan kebijaksanaan sebanyak-banyaknya kepada semua agar cepat berkembang maju, cepat dewasa, tangkas dalam menghadapi cabaran-cabaran dan tuntutan-tuntutan perjuangan masa mendatang.

Ufuk pemikiran dan pengetahuan mereka tambah meluas, rasa sensitiviti dan tanggungjawab mereka tambah meninggi, hasilnya mereka akan bertindak keluar ke medan-medan amal memperbaiki keadaan masyarakat, perjalanan kehidupan mereka agar tambah membaik, meningkat maju selari dengan tuntutan Islam. Itu kegiatan luaran mereka. Dalam masa yang sama mereka akan terus menerus mengembeling tenaga kearah memperbanyak bilangan kader-kader perjuangan seumpama mereka, agar cakupan dan capaian perjuangan mereka dapat diperluaskan lagi agar naungan rahmah dan kebaikan yang ingin mereka taburkan kepada masyarakat manusia tambah meluas, meninggalkan kesan yang berpanjangan dan berkekalan ke arah melahirkan sebuah masyarakat yang mulia, bertamadun dan sebuah Negara yang makmur.

## Rukun usrah

Pengoperasian usrah menuntut penegakan 3 rukunnya iaitu:

- 1- al-Taaruf (saling mengenali)
- 2- al-Tafahum(saling memahami )
- 3- al-Takaful(saling menanggungi)

Hubungan yang wujud antara ahli kumpulan menerusi usrah merupakan hubungan dua hala, kasih kerana ALLah s.w.t, antara sesama saudara dalam Islam dan dalam perjuangan, saling kenal mengena-

li secara dekat, mendalam tentang profail setiap ahli kumpulan, saling memahami antara satu dengan yang lain sehingga setiap daripada mereka dapat meraikan perbezaan yang mungkin ada serta memupuk kerjasama sesama mereka dalam semua keadaan agar agenda perjuangan dapat dijayakan bersama-sama. Sewaktu berhadapan dengan keserasian dan kepayahan setiap mereka akan saling bantu membantu, menyelesaikan setiap urusan dan mengangkat kepayahan, menanggung kesan-kesan daripadanya bersama-sama dengan rela hati dan dada yang lapang.

Semangat dari ketiga-tiga rukun ini mereka hayati, mereka bawa sepanjang hayat mereka. Ia menyebabkan kumpulan mereka membentuk sel-sel kecil gerakan yang mampu berperanan secara berkesan dalam semua keadaan , apatah lagi susunan usrah ini sentiasa mengikat mereka dalam semua tahap keahlilan, tahap perkembangan dan penglibatan.

## Pengendalian usrah yang berkesan

Perkara yang paling penting dalam pengurusan tarbiah ialah memastikan pengendalian setiap wasailnya berlaku dengan sebaik-baiknya terutamanya wasilah usrah. Ia memerlukan seorang naqib yang berkebolehan, ahli-ahli kumpulan yang beriltizam dan berdisiplin tinggi, capaian yang mudah terhadap bahan-bahan penyampaian, persiapan awal yang mantap, suasana yang mengujakan , semangat partisipasi yang tinggi dari semua pihak, kewujudan ahli-ahli yang mempunyai kepakaran-kepakaran dan pengalaman-pengalaman yang tinggi selain daripada keikhlasan hati dalam melaksanakan tanggungjawab menjayakan perjalanan usrah. Suasana sedemikian banyak membantu perjalanan sesebuah usrah menjadi sebuah usrah yang berkesan sepanjang kehidupan ahli-ahli jamaah bersama usrah masing-masing dalam rangka pentarbiahan kader-kader supaya lahir sebagai kader-kader yang kuat, mampu memikul tanggungjawab sepenuhnya.

## 1.Rukun Usrah

- a. **Ta'aruf:** Berkenalan yang berterusan sehingga sentiasa ingin tahu, apakah perkembangan terkini dari setiap ahli usrah dalam semua perkara.
- b. **Tafahum:** Saling memahami sehingga jadi dekat dan serasi serta saling menasihati.
- c. **Takaful:** Saling membantu sehingga sanggup memikul beban di antara satu sama lain di bawah naungan kasih sayang dan rahmat Islam.

## 2.Keutamaannya

Tulang belakang kekuatan jamaah terletak pada usrahnya.

## 3.Tiga Amalan Penting Bagi Pengurusan Pertemuan Usrah Yang Berjaya

- a. **Tugasan Sebelum Pertemuan Usrah.**
  - i. Persiapan jiwa yang baik.(keikhlasan, doa agar diberi taufik )
  - ii. Persiapan tarbawi yang baik: (menentukan objektif yang hendak dicapai, mengetahui sepenuhnya kehendak dan keperluan muttarabbi, merapatkan jurang di antara apa yang kita ingin capai dengan realiti muttarabbi).
  - iii. Persiapan dari aspek pengurusan: (masa, tempat, agenda dan program tarbiah).
- b. **Tugasan Semasa Pertemuan Usrah :**
  - i. Menyambut kedatangan ahli dengan sebaiknya: (manis muka serta mengalu-alukan – mesra dan berlemah lembut).
  - ii. Membuka majlis dengan sebaik-baiknya: (tilawah al-Quran, do'a, mengingati Allah swt, memperbaharui niat, kata-kata pembukaan yang menghubungkan diri dengan Allah swt atau bersifat rabbani).
  - iii. Menutup pertemuan usrah dengan sebaik-baiknya: ( ringkas, menanam rasa keinginan untuk bertemu pada sesi akan datang, khulasah atau rumusan yang bersifat tarbawi).
- c. **Tugasan Selepas Pertemuan Usrah:**
  - i. Melaksanakan mutabaah yang sebaiknya: (terus berhubung di antara dua pertemuan).
  - ii. Mengambil tahu hal ahli dengan sebaiknya: (hal-hal berkaitan kehidupan, saling berhubung dan mengambil berat).
  - iii. Kejayaan Usrah: Apabila ia produktif dan apabila ia berfungsi sebagai jentera menyebar luas kesedaran Islam ke dalam masyarakat.



Sesungguhnya Imam Al-Banna telah menegaskan makna ini ketika bercakap di hadapan Ikhwan pada suatu hari: "Usrah merupakan Qaedah Asas dalam binaan dakwah kita. Naqib usrah pula adalah batu penjuru dalam binaan ini". Ia merupakan kalam pengasas Ikhwan Muslimin (IM) bagi menunjukkan betapa mustahak dan betapa kesatuan dakwah ini terbina di atas sistem ini.

Berkenaan Sistem Usrah ini, Imam Al-Banna berkata: "Wahai Ikhwan sekalian, sistem ini amat berguna untuk kita dan dakwah ini dengan izin Allah SWT. Ia berfungsi untuk mengontrol (mengawal) ikhwan yang ikhlas dan menjadikan mereka berada dalam suasana mudah dihubungi dan menerima arahan dari masa ke semasa untuk kepentingan dakwah yang mulia ini. Ia akan menguatkan ikatan dan meningkatkan ukhuwah satu sama lain dari tahap kata-kata (teori) ke tahap perbuatan dan praktikal (pelaksanaan)". Justeru Imam Al-Banna telah meletakkan Peraturan Khusus (Laiyah Khas) bagi menjamin kelangsungannya berdasarkan disiplin yang telah ditetapkan dan efektif agar pentarbiyahan individu terlaksana. Itulah matlamat daripada dakwah ini. Peraturan ini telah ditetapkan pada bulan Rabi'ul Awal 1362H bersamaan bulan Mac 1943.

Usrah adalah Wadah Utama Tarbiyah kerana tarbiyah berdasarkan Sistem Usrah adalah merupakan tarbiyah sebenar (hakiki) disebabkan beberapa faktor:

1. Di dalam usrah kehalusan dan kedalam tarbiyahnya wujud (kerana bilangan sedikit dan mudah dimutaba'ah

## USRah ADALAH QAEDAH ASAS DALAM STRUKTUR DAKWAH KITA

dan berlakunya muayasyah).

2. Di dalam usrah adanya hikmah dan berlakunya proses pemindahan pengalaman (di bawah seliaan seorang mu'allim dan murabbi iaitu naqib) berpandukan Manhaj Tarbiyah bersumberkan Al-Quran, As-Sunnah dan terikat dengan jadual masa secara bertahap dan terarah.

mungkin mana-mana binaan akan kekal bila aman batu batanya terpisah (terkeluar) dari struktur asalnya. Usrah merupakan keluarga setiap al-akh dan ia adalah kaum kerabat terdekatnya. Ia merupakan ikatan sebenar dan amat diperlukan bagi menghubungkan antara individu dan Jamaah. Ia merupakan satu-satunya wasilah yang akan membantu Jamaah memutaba'ah anggotanya dari pelbagai sudut. Semua kepentingan tersebut menjadi ciri-ciri khusus bagi usrah. Tidak ada seorang pun boleh mengatakan bahawa Sistem Usrah merupakan Unsur Thawabit dalam Islam, tetapi sebagai anggota jamaah, kita semua telah ber-setuju untuk menjadikannya sebagai salah satu Unsur Thawabit dalam dakwah kita.

Penentuan tersebut sebagai mencontohi tarbiyah yang dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W. kepada para sahabatnya di

Darul Arqam ibn Abi Al-Arqam. Penentuan tersebut juga berdasarkan pendirian yang diambil oleh Nabi S.A.W. bersama kaum Ansar yang berbai'ah dengan baginda pada Bai'at Aqabah Kedua.

Justeru itu tidak harus ada seorang pun daripada kalangan kita yang boleh mengeluar kan kenyataan bahawa Usrah bukan dari Thawabit Jmaah.

Kita tegaskan kepadanya ..."tidak sekali-kali tidak". Dalam Jamaah, Usrah merupakan Unsur Tetap (tidak berubah) daripada Thawabit Sistem Tarbiyah dan keanggotaan kerana ia adalah wadah tarbiyah utama dan unit keanggotaan dalam struktur tanzim Jamaah. Lebih-lebih lagi ia juga merupakan unit terpenting untuk kelangsungan individu dan jamaahnya....

وآخر دعوانا أَنَّ الْمُحْمَدَ رَبُّ الْعَالَمِينَ

Tatkalamana tarbiyah melalui jalan usrah memungkinkan tersedianya atau terbinanya individu secara Islami dan sempurna, maka ianya (Sistem Usrah) akan berterusan sekali pun setelah tertegaknya Kerajaan Islam. Kerana tarbiyah melalui jalan usrah akan berfungsi sebagai pembekal untuk kerajaan memenuhi keperluan sumber manusia berkualiti. Ciri-ciri insan soleh seumpama itu memang diperlukan oleh mana-mana kerajaan secara berterusan. Ini bermakna bahawa Sistem Tarbiyah melalui Usrah adalah Unsur Tetap (thawabit) Jamaah .

Sebagaimana Usrah merupakan wadah utama tarbiyah, Usrah juga merupakan Unit bagi mengawal keanggotaan dan tanzim dalam Struktur Jamaah. Bagaimana mungkin unit keanggotaan (sepenting ini) boleh berubah mengikut situasi dan keadaan??!

Ingatlah bahawa Unit Keanggotaan adalah sebahagian dari sistem itu. Ia adalah batu bata dalam struktur binaannya dan tidak



# KEDUDUKAN USRAH DI JALAN DAKWAH

**S**istem usrah termasuk perkara thawabit dalam amal tarbawi di sisi dakwah. Di situ terlaksananya ta’aruf, tafahum dan takaful. Di situ diperbetulkan kefahaman dan diperdalamkannya serta terlaksananya intima’. Dinamakan usrah kerana padanya ada makna ketenangan, kasih sayang dan rahmah. Ketuanya dinamakan naqib mengambil sempena dengan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW pada Bai’ah Aqabah Kedua setelah kembalinya sahabatnya Mus’ab bin Umair dari Madinah dan bersamanya 73 lelaki dan 2 wanita. Maka apabila terlaksananya bai’ah, Rasulullah SAW meminta mereka memilih seramai 12 orang naqib untuk menjadi ketua mereka. Langkah baik dan hebatnya apa yang telah diputuskan oleh baginda Rasulullah SAW tersebut. Sesungguhnya telah terbukti dalam ilmu tarbiyah moden bahawa apabila sedikit bilangan yang mengikuti proses tarbiyah tersebut, maka akan bertambahlah pengaruh murabbi dan tercapailah pula tarbiyah itu melalui qudwah dan muayasyah.

Apabila usrah dikira sebagai batu bata asas di dalam jamaah, maka anggota usrah yang juga anggota jamaah secara spontan memahami siapa yang memberi taujih, tarbiyah dan ketaatan kerana qiadah inilah yang menentukan objektif bersandar kepada wasil dan marhalahnya. Qiadah ini juga yang menentukan aulawiyatnya (keutamaan). Usrah hendaklah meletakkan itu semua pada tempatnya yang betul untuk dilaksanakan.

Sesungguhnya amal tarbawi yang berhasil itu adalah manhaj yang thabit. Bila adanya peribadi-peribadi yang memiliki sifat dan ciri-ciri sesuai, bagi usrah ini pula adanya keterikatan, kasih sayang dan akhlak, siapa yang patut menjaga mereka? Siapa sepatutnya memelihara dan memutabah mereka? Siapa yang lebih mengenali mereka dari sudut negatif dan positifnya untuk mencapai objektif yang telah ditentukan? Sesungguhnya itulah hakikat tarbiyah melalui jalan usrah. Tatkalamana tarbiyah perlu pada ilmu, fiqh dan kefahaman, dan ia tidak akan terlaksana melainkan melalui murabbi dalam wadah, dan wadah itu ialah usrah, manakala murabbi itu pula ialah naqib untuk dia memainkan peranan dengan se-

baik-baiknya untuk merealisasikan tugas besar dan objektif yang diharapkan. Itulah sebenarnya naqib dalam usrah. Dia diumpamakan seperti imam dalam solat, berhak didengar, ditaati, dia memberi tunjuk ajar, mengajar dan mentarbiyah.

Imam Hasan Al-Banna memastikan bahawa masalah yang berlaku tidak semudah yang disangka. Sesungguhnya musibah yang melanda pemikiran muslim dari keretakan, kesopekan, bahkan patah, putus dan cacat yang dialami natijah serangan ghazwulfikri (serangan pemikiran) menghalangnya dari berjalan menuju ghoyah (matlamat) dan menutupi dari risalahnya. Semua masalah tersebut tidak mampu dirawat dalam masa sehari semalam dengan ceramah sepintas lalu, atau melalui kelas-kelas agama daripada para pemikir Islam atau nasihat dan fatwa dari para ulamak tersohor, lalu dia masih tercari-cari solusi lain lagi seperti majalah dan lain-lain bahan bacaan kemudian kesannya tidak lebih dari sekadar bacaan sahaja, ia hilang selepas selesai dibaca. Sesungguhnya ia adalah kepenatan dan tarbiyah Islamiyah yang panjang dan perlu kepada wadah tarbawi. Itulah dia usrah. Dan murabbi yang mulia memiliki sifat-sifat tarbawi digelar sebagai naqib. Sebabnya ialah kerana tarbiyah merupakan perkara thawabit dalam dakwah yang memerlukan usaha yang cekal untuk menghasilkan rija (lelaki), bukan sekadar kitab dan memadai. Segalanya itu tidak mungkin dapat dicapai melainkan melalui manhaj yang betul, kerja berterusan, akhlak mulia, memiliki nafas panjang, punya kesabaran yang indah, mampu memberi nasihat yang berguna, punya kemampuan berbahas secara bijaksana, punya sinar kesedaran dan punya kemampuan melakukan mutaba’ah dengan cermat. Pelaksana iaitu murabbi hendaklah melaksanakan muhtawa (kandungan) di dalam usrah. Setiap manhaj Islami untuk kehidupan ini mestilah syumul (lengkap). Mana-mana dakwah yang benar bekerja ke arah menanamkan kefahaman yang asolah (tulen) pada jalan ini dimestikan mengikuti tarbiyah yang tersusun diambil dari Al-Quran, As-Sunnah, amalan para salafus-soleh dan diambil juga dari usul fiqh serta qawaid syariyah.

Apa yang disebutkan di atas tidak akan terlaksana melainkan dengan ada mas’ul yang berperanan menjaga orang di bawahnya dengan menerangkan jalan dan tanda-tandanya, menjelaskannya dengan pendekatan paling mudah tanpa merumitkan; seperti kejelasan fikrah, kesatuan konsep dan tingkahlaku, kesatuan objektif dan matlamat akhirnya, kesatuan matlamat dan wasilah ke arah melaksanakan semua itu sehingga tidak menimbulkan persoalan atau keraguan atau salah faham agar anggota jamaah bersatupadu dan meletakkan sistem, wasilah dan matlamat. Justeru beriltizam dengan semua sistem tersebut dikira sebagai perkara thawabit.

Berkata Imam Hasan Al-Banna ketika menerangkan mengenai kepentingan wadah tarbawi ini (usrah): “Islam amat menitikberatkan pembentukan usrah serta anggotanya. Dihalakan mereka itu ke arah contoh terbaik, memperteguhkan ikatan mereka, meningkatkan ukhuwah mereka dari tahap kata-kata dan teori ke tahap perbuatan dan amalan. Rukun-rukun ikatan ini ada tiga, maka peliharakanlah ia dan hendaklah kalian mengambil perhatian untuk merealisasikannya hingga ia tidak hanya sekadar bebanan tanpa roh.....”

Imam Hasan Al-Banna menggariskan beberapa perkara tentang perjalanan usrah:

Ketahuilah kalian bahawa sistem tarbawi ini akan melahirkan ikhwah yang mampu melaksanakan kewajipan individu, masyarakat dan harta. Mampu bermuayasyah, berjinak serta berukhuwah. Di bawah adalah satu contoh mudah bagi menjelaskan kesan tarbawi dalam kehidupan individu, antaranya:


1. Setiap ikhwah membentang masalahnya dan mengajak ikhwah yang bersamanya dalam usrah mengkaji dan mencari penyelesaian terbaik dalam suasana ukhuwah.
2. Mengkaji dan berbincang isu berkaitan urusan kaum muslimin dan pendirian yang diputuskan oleh qiadah sebagai pencerahan.
3. Mengkaji kandungan bermanfaat dari buku yang bagus untuk dijadikan ibrah demi melahirkan sahsiah yang berakhlik dan mendalam imannya.

وآخر دعواها أن الحمد لله رب العالمين



Memfokuskan kepada golongan muda adalah penting bagi gerakan Islam kerana Malaysia merupakan salah satu negara ‘muda’ di dunia. ‘Muda’ di sini bermaksud lebih dari 50% penduduk di negara ini terdiri dari golongan muda. Orang muda adalah satu golongan yang begitu berpotensi untuk membawa diri, keluarga serta masyarakat ke tahap yang lebih cemerlang. Mereka mempunyai kekuatan fizikal, kemahiran yang kuat dan kemampuan kognitif yang jitu. Pada hakikatnya usia muda seseorang ialah usia yang penuh dengan cita-cita yang tinggi serta idealisme yang luas. Iaitu usia yang mampu memberi pengorbanan dan menebus semula segala kelemahan dan ketidakadilan.

Namun apakah kita sudah bersedia menyantuni golongan remaja dan belia ini? Adakah kita faham bagaimana menguruskan pengislahan dan penghijrah mereka agar terbentuk arRijal yang didambakan oleh dakwah dan ummah? Kita perlu sedar ba-



## USRAH DAN ORANG MUDA

*Ustazah Kamaliah Noordin, Ahli JKP Pendidikan*

hawa menyantuni orang muda tidak setangkas menyantuni golongan dewasa. Disamping aspek fizikal yang nyata berbeza, orang muda juga mempunyai binaan psikologi, emosi dan juga spiritual yang berbeza

Menyedari betapa besarnya potensi golongan muda ini, latihan kemahiran serta peningkatan ilmu tentang perkembangan psikologi orang muda sangat diperlukan oleh para muwajih dan murabbi mereka. Rasulullah (saw) banyak menggunakan kaedah mendidik dan membimbing melalui perbuatan, sifat-sifat dan tingkah laku yang baik. Dihindari pendekatan kekerasan dan banyak bercakap, tapi lembut dan memujuk. Baginda mengibaratkan mendidik orang muda seperti tuan dengan haiwananya. Jika si haiwan lari, janganlah ramai-ramai datang mengejar dengan keras. Haiwan itu akan makin menjauhkan diri. Biarkan tuannya sendiri memujuk, pasti haiwan itu akan datang dengan sendirinya kepada tuannya.

Berdasarkan perkara ini juga, apabila orang muda ingin berkenalan dan berjalin-jinak dengan amal Islami, janganlah dibiarkan lama-lama di dalam program umum. Sebaiknya terus disusun dalam bentuk halaqah dengan murabbi yang sesuai, tanpa terlalu berpolemik tentang syarat-syarat ataupun peringkat komitmen. Jika tidak dilakukan sedemikian, dikhuatiri mereka yang sudah menunjukkan minat akan menghilangkan diri. Usaha-usaha menyantuni dan meneladani orang muda juga perlu lebih terbuka dan tidak terkongkong dengan konsep dan kaedah lama. Tasawwur kita tentang apakah anasir yang ‘baik’ dan anasir yang kurang baik juga perlu dilihat kembali dalam konteks generasi muda masa kini.

Langkah-langkah yang serius menyediakan barisan murabbi yang efektif pada golongan muda perlu disegerakan demi penerusan pembinaan generasi pelapis.

## MUWAJJIHAT DAN TARBIAH

*Ustazah Dr Azizah Mohd Radzi, Ahli JKP Wanita IKRAM*

Seorang kader dakwah yang berkualiti tidak mungkin terlahir tanpa ada kefahaman yang jelas terhadap dakwah. Tarbiah memainkan peranan yang penting dalam menyediakan individu tersebut, melalui taujihat yang jelas dan terarah.

Muwajjihat, nama yang sudah cukup menggambarkan fungsinya, adalah individu (akhawat) yang menyampaikan ilmu dan hikmah menurut manhaj tarbiah untuk memantapkan fikrah dan tsaqafah para kader dakwah. Justeru itu, Jawatankuasa Tarbiah IKRAM telah melancarkan program Pembangunan Muwajjih Tarbawi Nasional pada 21-23 Disember 2012. Program ini disertai oleh 80 orang yang terpilih dari seluruh negara, berjalan selama dua tahun dengan kekerapan sekali setiap dua hingga tiga bulan. Mereka menjalani latihan yang intensif, diberikan pengetahuan berkaitan konsep-konsep dakwah dan tarbiah, kemahiran teknikal sebagai alat untuk menyampaikan dakwah, serta perkongsian pengalaman oleh muwarits yang telah lama menerokai jalan ini. Presiden IKRAM yang merasmikan

program tersebut, menekankan bahawa usaha pembangunan manusia merupakan asas kepada pelaksanaan segala medan amal IKRAM. Maka sumber daya manusia yang mampu menggerakkan agenda perubahan haruslah cukup, dibekalkan dengan kejelasan tujuan dan kefahaman untuk menggerakkan agenda perubahan. Muwajjih yang lahir melalui program ini ditugaskan juga untuk membantu dan menyokong program tarbiah dan pembangunan nuqaba/murabbi setempat selain menjadi sumber rujukan berkenaan tarbiah.

Ilmu semata-mata tidak cukup untuk menimbulkan kesan yang mendalam ke dalam jiwa-jiwa manusia, kecuali disertai dengan teknik yang bertepatan kepada pendengar. **Sabda Rasulullah saw “Serulah kepada manusia sesuai dengan kadar pemahaman mereka”**. Latihan, demi latihan akan menajamkan kemahiran dan kreativiti mereka dalam menyampaikan bahan. Dalam sebuah artikel di Jaridotul Ikhwan menceritakan bagaimana berpengaruhnya Hassan Al Banna dalam menyampaikan makna ar-raf-

juah secara terperinci sehingga hati-hati pendengar sangat terpikat dengan ekspresi beliau dan kekuatan karismanya. Setiap peluang dakwah tidak akan dilepaskan. Bagaimana juga diceritakan mengenai kesungguhan salah seorang anggota ikhwan, menjadi muwajjih di mana-mana tempat dalam masa yang singkat sehingga kembali ke tempat kerjayanya lebih awal daripada yang lain dengan penuh ber tenaga. Melalui hasil usaha para muwajjih inilah, fikrah ikhwan telah tersebar luas ke pelusuk dunia.

Kesimpulannya, para muwajjihat adalah mata rantai dakwah yang amat penting bagi mencapai visi jamaah. Justeru, program ini akan diteruskan ke pusingan ke-2 agar mata rantai ini tidak akan terputus. Imam Syahid Hasan Al Banna telah berkata, “Perlu ada manhaj tertentu yang kita inginkan, kemudian sekumpulan orang yang bekerja dalam manhaj tersebut sehingga tercipta naya kesinambungan antara generasi dalam menempuh jalan ini untuk sampai kepada tujuannya”.





## KONSEP-KONSEP ASAS DALAM MEDAN DAKWAH (2)

Oleh : Dr. Mohammad Abdur Rahman (Anggota Maktab Irsyad)

**M**enjulang panji-panji rabbaniyah dan dakwah islamiah serta seruan melaksanakan Syariat Muhammadiah yang syumul merupakan prinsip yang mesti di dokong oleh jamaah Ikhwan Muslimin di mana juga di muka bumi ini. Adalah satu kesilapan sekiranya jamaah menumpukan kepada perlaksanaan Islam yang juz'I dan meninggalkan prinsip penghayatan Islam yang syumul, hal ini tentunya akan melahirkan syakhsiah yang tempang dan kekaburuan dalam halal tuju dakwah.


**K**eabsahan jamaah dari sudut syara' dan keabsahannya dari sudut undang-undang bukanlah setaraf, ini kerana keabsahan jamaah yang utama adalah dari sudut syarak. Namun keabsahannya dari sudut undang-undang merupakan satu realiti yang membolehkan jamaah diterima dalam menyebarluaskan risalahnya. Mewujudkan berbagai wadah jamaah yang sah dan focus

kepada juzuk-juzuk tertentu adalah perlu dengan syarat tidak mencanggahi kesyuminan yang diperjuangkan oleh jamaah. Keabsahan jamaah dari sudut syarak yang melaksanakan taklif Ilahi tidak boleh dibatalkan oleh mana-mana regim yang memperalatkan undang-undang demi kelangsungan kezaliman mereka.

**K**eseimbangan di antara bergerak bersama masyarakat dengan takwin fardul muslim, merupakan perkara yang mesti diberi perhatian sewajarnya oleh para duat. Imam Hasan al-Banna menjelaskan perkara ini melalui paksi takrif, takwin dan tanfiz. Sejak dari awal lagi, ketika beliau melaksanakan dakwah dan islah dalam masyarakat, beliau tidak sekali-kali mengabaikan aspek pentarbiahan dan mentakwin individu.

**M**enyebarluaskan fikrah dan menyampaikan risalah kepada umat tidak

boleh dipisahkan dari amal jama'ie. Kekuatan jamaah adalah pada kekuatan aqidah dan iman serta kekuatan ukhuwah dan tanzim. Ada yang bertanya; " Berjamaah ini wasilah kah atau ghayah? ". Jawapannya adalah; " Ia adalah satu kefardhuan untuk merealisasikan tuntutan-tuntutan syarak."



Multaqa Nasional Akhwat 'Amilaat (MUNA) 2014

**8 Feb 2014:** Sebahagian ahli teras akhwat yang menghadiri Multaqa Nasional Akhwat 'Amilaat (MUNA) 2014 yang berlangsung pada 7-8 Februari di Intekma Resort & Convention Centre , Shah Alam yang dilaksanakan oleh JK Tarbiah Wanita.

### Mukhayyam Tarbawi IKRAM Wilayah Persekutuan



Muwajjih Tarbawi Nasional : Siri 7

**7-9 Mac 2014:** Sebahagian para peserta ahli teras 05 bergambar kenangan bersama para muwarrith setelah program Daurah Muwajjih Tarbawi Nasional 2014 yang berlangsung di Kem Lembah Azwen. Hulu Langat, Selangor yang dilaksanakan oleh JK Tarbiyah Pusat

**13 Jan 2014, Jugra.** Sejumlah 63 orang ahli IKRAM Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada mustawa 04 dan 05 telah bersama-sama selama 3 hari 2 malam untuk membina membina jiwa, menguatkan ukhuwah, memperkuatkan rukun thiqah dan thabat di dalam sanubari setiap peserta demi kesetiaan kepada baiah dan menyumbang di jalan dakwah.



# SEBAHAGIAN AKTIVITI KITA



## PELAPIS TARBAWI PERINGKAT NASIONAL



### TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT  
-PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA-

#### Penaung

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

#### Pasukan Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

#### Penulis Tetap:

- Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad
- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
- Sheikh Mohamed Hamed Elawa
- Ustaz Muhammin Mohammad Shahar

#### Penulis Jemputan:

- Ustazah Kamaliah Noordin
- Ustazah Dr Azizah Mohd Radzi

#### Susunatur/Grafik

Hanafi Sudi@Yusoff

#### Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiah Pusat,  
Pertubuhan IKRAM Malaysia  
(IKRAM),  
Tel + 603 - 8945 6999,  
+ 603 - 8945 3666  
Fax +603 - 8945 1772  
tarbiatuna.ikram@gmail.com

#### Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd  
Tel: 03-9076 6311  
Fax: 03-9075 4311  
mashipublication@yahoo.com

**27 April 2014: Jeram.**

Jawatankuasa Tarbiah Pusat telah berjaya melaksanakan program PELAPIS (Program Pelapis Kepimpinan Tarbawi Nasional) 2014: Siri 1 sepanjang 3 hari bermula dari pada 25 hingga 27 April 2014 di Sekolah Menengah Islam Hira', Jeram, Selangor .

Program ini disertai oleh ahli teras 04 IKRAM diperingkat nasional yang seramai 60 orang dika-

langan ikhwah dan akhwat.

Program ini telah dirasmikan oleh Ustaz Dr. Mohd Parid Sheikh Ahmad selaku Presiden IKRAM. Pengisian utama sepanjang program ini diberikan oleh Sheikh Mohamed Hamid Eliwa. Program ini diserikan lagi dengan sesi perkongisan pengalaman dari para muwaris yang terdiri dari pada Ustaz Alias Othman, Ustaz Sayuti Ramli, Ustazah Anisah,

Ustazah Arpah dan Dr Azizah.

Para peserta di harapkan agar terus menggalas amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan hingga ke siri program yang terakhir dan memperturunkan manhaj/fikrah tarbiah kepada ahli-ahli IKRAM yang lebih muda di negeri dan daerah masing-masing serta menjadi pelapis kepada para Muwajih yang sedia ada.

## Temasya Tarbiah IKRAM di Pahang



**16 Februari, Pahang.** Alhamdulillah telah berlangsung daurah yang telah di'branding' sebagai TTI pada 15 dan 16 Februari 2014. Seramai lebih 150 penggerak dakwah Pahang telah hadir mengikuti sesi daurah dwi-bulanan ini.

Muwajih jemputan adalah Al-Fadhl Ustaz Hj Muhammad Lokman bin Dato' Awang, yang juga adalah YDP IKRAM Terengganu. Topik pembentangan dan perbincangan adalah Fiqh Dakwah dan telah mengupas buku Qawaed Dakwah Ilallah, karya Dr. Hamam Said, Muraqib Am, IM Jordan. Semoga bertambah rancak dan subur dakwah Islam di bumi Pahang dengan perlaksanaan dakwah yang hikmah dan bijaksana. Amin.

(Ikram Pahang)

## Mukhayyam Tarbawi IKRAM Terengganu



**3 Mei 2014, Dungun.** Dengan semangat syiar "Kesetiaan kepada baiah dan menyumbang untuk dakwah dan semangat ukhuwwah, sejumlah 68 orang ahli IKRAM Terengganu yang terdiri daripada ahli aktif dan ahli teras telah bersama-sama membina membina jiwa, mengerat ukhuwwah, memperkuuh rukun thiqah dan thabat di dalam sanubari setiap peserta demi kesetiaan kepada baiah dan menyumbang di jalan dakwah. Program ini telah berlangsung selama 3 hari 24 malam bermula dari 1-3 Mei 2014 di Merantau Inn, Dungun Terengganu

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mengambil peluang meneladani tokoh pejuang iaitu Ustaz Mustafa Mahsyur di atas thiqah dan thabat beliau di atas jalan dakwah sepanjang hidupnya.